

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH
BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) Kedudukan kewangan terkini Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) bagi menyiapkan projek-projek yang sedang berjalan; dan
- (b) Rancangan Kerajaan untuk terus menawarkan perumahan mampu milik terhadap rakyat susulan pembatalan 56 fasa projek PR1MA yang telah diumumkan sebelum ini.

JAWAPAN (a)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, PR1MA mempunyai 44 projek dalam pelaksanaan dengan kos pembangunan bernilai RM3.6 bilion. Setakat ini PR1MA mampu membiayai 44 projek tersebut daripada sumber kewangan sedia ada.

2. Sumber utama dana bagi membiayai projek-projek tersebut adalah melalui kutipan dari hasil jualan unit-unit rumah. Berikutan kempen-kempen jualan PR1MA dan HOC 2019, hasil jualan kini semakin memberangsangkan dan sekali gus dapat mengukuhkan lagi kedudukan kewangan PR1MA. Dianggarkan PR1MA akan dapat

NO SOALAN : 47

mengumpul kutipan sebanyak RM1.45 bilion pada tahun 2020 manakala selebihnya akan diterima pada tahun-tahun berikutnya. Jumlah kutipan ini dijangka dapat menampung anggaran kos bagi menyiapkan projek-projek PR1MA yang sedang berjalan.

JAWAPAN (b)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada penilaian terperinci yang telah dijalankan oleh Anggota Perbadanan PR1MA sejak Julai 2019 hingga Ogos 2020, terdapat 31 projek yang melibatkan 51 fasa akan dibatalkan atau sedang dalam proses pembatalan.
2. Namun begitu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha untuk menyediakan rumah-rumah mampu milik yang mencukupi kepada rakyat. Sebanyak 227,154 unit rumah telah dirancang pembinaannya di bawah KPKT seperti berikut tertakluk kepada dasar dan kelulusan peruntukan kewangan kerajaan :

BIL.	PROGRAM/PENYEDIA	UNIT RUMAH
1.	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	65,000
2.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	70,154
3.	Program Perumahan Rakyat (PPR) / Rumah Malaysia	37,000
4.	Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)	45,000
5.	Transit Belia	10,000
	JUMLAH	227,154

Sekian, terima kasih.